

# 3 kes positif dilapor sejak Jumaat Bh 22/9/2015

**Georgetown:** Satu lagi kes gigitan anjing liar yang disahkan positif wabak anjing gila atau rabies dilaporkan di Pulau Pinang, Jumaat lalu, sekali gus menjadikan tiga kes dilaporkan setakat ini.

Pengarah Jabatan Kesihatan negeri Datuk **DR Zailan Adnan** berkata, pihaknya menjalankan saringan pada bahagian otak anjing terabit dan mendapati ia positif wabak rabies.

"Anjing liar yang menggigit lelaki berusia 65 tahun di Balik Pulau itu ditangkap pihak penguat kuasa, sejurus laporan dibuat Jumaat lalu.

"Mangsa diberi suntikan vaksin dan berada dalam keadaan stabil. Bagaimanapun, tahap kesihatannya perlu dipantau dari semasa ke semasa kerana inkubasi virus ini lambat.

"Pemantauan perlu dilakukan dalam tempoh panjang kerana simptom virus ini hanya dapat dikenal pasti antara 30 hingga 60 hari selepas individu terabit di-



**DR Zailan**

## **FAKTA**

*Jalankan saringan pada otak anjing dan mendapati positif wabak rabies*

gigit," katanya di sini, semalam.

Sebelum ini, dua kes gigitan anjing gila dilapor membabitkan lelaki berusia 44 tahun dari Pokok Sena, Tasek Gelugor dan seorang kanak-kanak berumur 11 tahun dari Kuala Sungai Pinang, Balik Pulau, 14 September lalu.

Dr Zailan berkata, 26 kes gigitan anjing dilaporkan iaitu 24

kes gigitan anjing liar dan dua gigitan anjing peliharaan dicatatkan di negeri ini dalam tempoh seminggu bermula 14 hingga 20 September lalu.

Bagaimanapun, beliau berkata, hanya tujuh daripada 26 anjing terabit ditangkap iaitu dua anjing peliharaan dan lima anjing liar.

"Anjing peliharaan yang ditangkap kini dikuarantin bagi tujuan pemantauan. Selain itu, tiga daripada lima anjing liar dilaporkan positif wabak rabies," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri Dr Siti Salmiyah Tahir berkata, 183 anjing liar dilupuskan dalam operasi di Pulau Pinang sejak 16 September lalu.

"Tangkapan ini menunjukkan penambahan mendadak kerana kebiasaan tangkapan yang dibuat pihak berkuasa tempatan 400 anjing liar dalam tempoh sebulan.

"Keseluruhan anjing liar ini akan dibakar atau ditanam, selepas bahagian otaknya dikeluarkan bagi tujuan saringan wabak rabies," katanya.